

Dari Sebulan ke Sebulan

Singapura telah mengadakan televisyennya bagi kali yang pertama. Luas siarannya dengan sendirinya meliputi daerah di sekelilingnya termasuk ke dalam daerah-daerah pulau-pulau Riau. Untuk itu maka dengan sendirinya orang-orang di pulau-pulau itu membeli peti-peti televisyen untuk menikmati siaran-siaran Singapura. Baharu sahaja mulai berjalan maka kerajaan Jakarta memerintahkan supaya menyita peti-peti televisyen penduduk pulau-pulau itu. Menurut "Suluh Indonesia" langkah kerajaan itu dijalankan kerana siaran-siaran televisyen itu adalah mengandung "propaganda musuh".

Kebanyakan peti televisyen itu dibeli di Singapura dan dengan senang melihat siaran-siaran dari Singapura.

Apakah yang ditakuti oleh komplotan Sukarno. Terang dan nyata supaya di daerah Indonesia jangan sama sekali melihat gambaran kemakmuran rakyat Singapura, di dalam pakaian dan keadaan hidupnya kerana yang demikian boleh dijadikan bandingan mereka dengan keadaan-keadaan di seluruh Indonesia, terutamanya di daerah-daerah yang menderita di Indonesia sehingga barang pakaian pun hampir-hampir tidak didapat.

* * *

PAS mengada sidang yang panjang mengenai hubungan di antara Malaya dengan Indonesia. Di dalam maklumatnya di antaranya PAS berkata:

"Kehormatan dan kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang merdeka perlu dipelihara. Bagi maksud itu suatu sikap tegas di mana akan

terdapat perpaduan rakyat dan kehormatan rakyat perlu diambil.

"Ini tidak dapat diwujudkan dengan semata-mata terus menunjukkan bersedia untuk bermusuhan tetapi dengan berikhtiar dan bersedia untuk damai sebagai tetangga yang bersaudara".

Kehormatan dan kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara merdeka telah berjalan dengan sewajarnya. Ia tidak memusuhi sesuatu dan tidak menyebelahi mana-mana pihak terutamanya di dalam perkara yang mengenai tetangganya. Tatkala terjadi pemberontakan Islam di Aceh dan pemberontakan di Sumatera, kerajaan Persekutuan tidak pun mencampurinya sekalipun ia mengetahui bahawa penjajahan Jawa kepada daerah-daerah telah berlaku. Kerajaan Persekutuan tidak memberi bantuan kepada pemberontak-pemberontak itu dan tidak mengambil tahu dengannya. Pada hal dalam zaman melawan Belanda hampir seluruh rakyat menyokong pergolakan di Indonesia untuk merebut kemerdekaannya.

Malaya tidak bersifat untuk bermusuhan. Ia tidak bersifat untuk merebut kekuasaan dari orang lain dan bersifat meluaskan daerah-daerahnya. Ini terbukti bahawa tidak sampai sepuluh peratus daripada belanjawannya digunakannya kerana pertahanan.

Tetapi keadaan ini, ituk¹ mengawal kedaulatan dan kemerdekaannya, sebuah negara kecil ia harus bersiap sedia, menukar pendiriannya mendahuluikan meriam daripada

¹ Perkataan sebenar ialah, untuk.

roti disebabkan oleh perbuatan komplotan Sukarno dengan “*confront*-nya” yang sentiasa menyerang Malaya dan tidak mau tau kedudukan apa yang sebenarnya berlaku. Mereka menjadikan peristiwa Azahari di Brunei menjadi sebab pada hal orang-orang mengetahui bahawa Azahari adalah “peon Sukarno” untuk menyampaikan tujuan-tujuan Sukarno yang lebih luas. Apakah tidak perlu bersiap-siap untuk menjaga kehormatan kita dan PAS mesti kompak dengan kerajaan dalam menghadapi kecerobohan dari komplotan Sukarno?

* * *

Sesudah perisytiharan PAS di atas dikeluarkan, Timbalan Yang Di-Pertua PAS, Ustaz Zulkifli Muhammad di antara lain-lain menyatakan mengenai Malaysia. Kalau semua orang di wilayah-wilayah yang berkenaan itu bersetuju dengan pembentukan itu (Malaysia – P), tidak pada tempatnya mengapa Indonesia harus mempertahankan pertentangannya”

Pecakapan² ustaz ini sebagai orang yang tidak melihat keadaan. Malaya, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei, adalah termasuk negeri-negeri yang dahulunya di bawah kekuasaan British, hampir-hampir di dalam satu pertadbirannya Malaya mulanya dapat kemerdekaan, Singapura dapat setengah merdeka, Sabah dan Sarawak masih di dalam tanah jajahan sedang Brunei negeri-negeri naungan. Kemudian kerajaan Malaya yang merdeka mempelawa negeri-negeri yang lain itu bergabung di dalam suatu negara yang merdeka – di bawah satu pertadbiran untuk menyatukan semula hubungan di antara mereka yang dahulunya satu itu apakah ini disifatkan sebagai suatu penjajahan baru?

Kalau ini suatu penjajahan baru mengapa pula langkah Sukarno di Irian Barat tidak disebut penjajahan baru pula, pada hal ada umat Irian mau bebas bersendiri – tidak mau di bawah Indonesia?

Indonesia menuntut dengan ugutan senjata kerana berasal jadi satu di dalam penjajahan Belanda dahulu.

Dalam kejadian ini umat Irian Barat didesak tetapi perkara Malaysia tidak ada sesuatu desakan. Umat Sabah sedang terang majoriti menyokong Malaysia dan Singapura juga begitu. Ini dengan suara rakyat tidak ada desakan dengan senjata. Sarawak demikian juga parti-parti yang ramai menyokong penuh – dikecualikan kaki communist.

Brunei pada mulanya bimbang. Kerana itu kerajaan Persekutuan terang-terang memulangkan persetujuannya kepada umat Brunei sendiri. Kepada mereka terpulang bersetuju atau tidak untuk bergabung.

Apakah ini tidak sebagai suatu kenyataan bahawa ini kehendak rakyat? Apakah ini satu *neo-colonialism*. Tidakkah Timbalan Yang Di-Pertua PAS menyedari bahawa ada perkara yang dikehendaki Sukarno: 1. Mengalah fikiran terutamanya yang mengenal Sukarno, mengetahui bahawa dua perkara yang dikehendaki Sukarno: 1. Mengalah fikiran rakyat; 2) Mau menjajah Brunei Utara sebab negeri itu makmur – dan tidak patut Pulau Brunei dibahagi kepada dua pemerintahan.

Dengan ini zahir bahawa sikap Indonesia-lah yang menyerang – ia tidak mau tau akan kenyataan. Ia mau meluaskan lagi jajahannya dan mau menjadi maharaja di Indonesia.

* * *

Betulkah Sukarno mau jadi maharaja? Jawabnya betul. Sukarno memandang kedudukan presiden menjadi hak mutlak kepadanya sebab ia tidak mau diadakan pemilihan. Sesiapa membangkangnya hendaklah disingkirkan

² Perkataan sebenar ialah, percakapan.

ia jadi diktator – tidak syak lagi. Bukan di situ

sebab sudah habis jajahan-jajahan Belanda dahulu termasuk

sahaja, daripada punca-punca yang mengetahui bahawa ia berniat

ke dalam Indonesia, sekarang mau luaskan jajahannya

supaya anaknya Guntur kelak akan diwasiatkannya dilantik

lagi ke Brunei Utara dan seterusnya ke Singapura dan

sebagai gantinya. Kalau ini tepat maka zahir bahawa benar ia

Malaya.

mau menjadi maharaja – seperti King Nero menjadikan

Pada suatu hari kelak, jika perbalahan bertambah-tambah

dirinya “raja” di Indonesia yang memerintah turun taurun³.

meluas. Harus Sukarno berkata kepada tentera-tenteranya yang

* * *

Sukarno telah memerintahkan pasukan-pasukan tenteranya

lapar: “Hai pasukan-pasukan bersenjata, apakah kamu

supaya jangan berenggang dengan senjata-senjatanya kerana Revolusi

tidak melihat bahawa di seberang Selat Melaka dan di Brunei


Indonesia masih belum tamat. Memang Revolusi

Utara negeri kaya, mewah dan makmur. Bertempurlah

Indonesia tidak akan tamat selagi Sukarno memerintah

kamu supaya kamu dapat kemakmuran itu untuk kamu.

Kalau dapat kamu tidak akan kelaparan lagi sebab



Suatu pemandangan yang indah di dalam bandar Jeddah.

³ Perkataan sebenar ialah, temurun.

sesudah dapat Malaya kita boleh menyerang Thailand tempat beras untuk makanan kamu”.

Sebab itulah Sukarno melaparkan rakyatnya dan membutakan mata mereka dari kebenaran dan dari mendengar suara bebas dari luar supaya rakyat boleh diumbang ambingkannya. Begitulah cara diktator – rakyat menderita dan diseksa tetapi sendiri menggunakan hasil negara senang-senang berpoya-poya kepada suka-suka sahaja.


* * *

“Malaya, pada satu masa adalah menjadi sebahagian daripada tanah jajahan Aceh”, kata Gabenor Aceh Ali Hashmi. “Tetapi Indonesia tidak ada niatan hendak menuntut semula” – katanya.

Ini adalah permulaan suatu langkah yang mungkin untuk menarik perhatian Sukarno untuk menuntut Malaya supaya dimasukkan ke dalam wilayah Indonesia mengikut sejarahnya. Sedikit masa dahulu, wartawan Filipina, sesudah melawat istana Sukarno di Bogor membuat suatu rencana bahawa di istana itu diletakkan suatu peta yang termasuk juga di dalamnya pulau Filipin. Ia menyatakan syaknya bahawa Sukarno kelak akan melangkah ke utara terus ke Filipin dan dengannya termasuklah Brunei Utara dan sekarang tentulah Malaya dimasukkannya. Mungkin beberapa hari diktator Sukarno akan bersuara pula menuntut Malaya hak Indonesia kerana Malaya dahulunya termasuk jajahan Aceh.

* * *

Hari raya telah sampai masanya. Semua kita akan bergembira dengan sebab sesusah-susah hidup kita masih mempunyai makanan lumayan dan pakaian yang sederhana sehingga peminta-peminta sedekah di jalan raya masih baik pakaianya. Keadaan kesempurnaan hidup kita ini ada kerana baik



Gambar sebuah masjid di negeri Brunei.

pertadbiran negara-negara kita. Kalaualah sekiranya tahun hadapan Sukarno menakluk Malaya maka harus kelak kita akan berpuasa dan berhari raya seperti di Indonesia – makan sekali sehari pun payah, kurma tak merasa dan pakaian tidak ada – akhirnya harus berpakaian cawat

sahaja lagi. Tetapi bung Karno dan komplotannya tentunya nanti motokarnya besar, makanannya terbuang, kalau mau berjamu oder di luar negeri tetapi buat rakyat, dipropagandakan tikus, kucing dan anjing goreng enak rasanya.

Ini mungkin terjadi. Untuk menjauhkan ini mustahak kita di dalam berhari raya ini menguatkan azam bersatu. Sekalipun kita kecil kalau bersatu sukar orang hendak membinasakannya tetapi walau pun besar kalau tidak bersatu mudah akan binasa.

* * *